



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Director General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8**

*Level 8, Block E8*

**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**

*Government Complex Parcel E*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 9 ( 15 )  
Tarikh : **04** Oktober 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 11 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN NILAI DAN ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TUJUAN**

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Guru dan Murid pada 23 Jun 2017 bertujuan mengelakkan penyalahgunaan media sosial yang membawa kepada pelbagai keburukan terutamanya penyebaran fitnah dan perkongsian maklumat yang kurang tepat.

3. Garis panduan ini telah ditambah baik dan diselaraskan dengan Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM): Tatakelakuan dan Pengurusan Tataterib Pegawai Awam Versi 1.0 (2022): Ceraian UP. 7:2:10 Peraturan Berkaitan Pernyataan

Awam oleh Pegawai Awam. MyPPSM telah menggugurkan dua (2) perkara seperti yang berikut:

- i. Perkara 9: Peraturan dan Perundangan (i) Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 7 Jun 2013 bertajuk "Tanggungjawab Pegawai Awam dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial di Internet"; dan
  - ii. Perkara 9 (j) Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 15 Julai 2016 bertajuk "Larangan Membuat Pernyataan Awam oleh Pegawai Awam".
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 17 Tahun 2023 bertarikh 13 Julai 2023 telah meluluskan Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **PELAKSANAAN**

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia disebarluaskan untuk pemakluman semua pegawai dan anggota kumpulan pelaksana KPM. Perlakuan seperti memuat naik kandungan lucah, sumbang, palsu, mengkritik dasar kerajaan, memuat naik dokumen sulit kerajaan, menimbulkan provokasi dan isu sensitif merupakan kesalahan serta boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan penguatkuasaan MyPPSM.
6. Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan semua institusi pendidikan bawah KPM. Sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM digalakkan untuk merujuk dokumen ini sebagai panduan bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasa SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2017: Garis Panduan Nilai dan Etika Media Sosial Guru dan Murid bertarikh 23 Jun 2017 adalah **terbatal**.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

## **“MALAYSIA MADANI”**

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Perendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN  
NILAI DAN ETIKA  
PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
1. Pendahuluan	2
2. Tujuan	2
3. Tafsiran	2 - 4
4. Tatacara Pemilihan Kandungan Media Sosial untuk Tatapan Umum	4 - 5
5. Etika Penggunaan Media Sosial oleh Kakitangan Awam KPM	5 - 6
6. Etika Penggunaan Media Sosial oleh Murid	7 - 8
7. Penggunaan Akaun Peribadi Media Sosial	8
8. Peraturan	8 - 9
9. Rujukan	9

## **1.0 Pendahuluan**

Penggunaan media sosial seperti aplikasi blog, Facebook, YouTube, Twitter, TikTok, Instagram dan sebagainya tidak sekadar menjadi ruangan sembang atau meluangkan masa lapang tetapi telah menjadi satu keperluan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat dengan mudah, cekap dan pantas.

## **2.0 Tujuan**

Garis panduan ini menerangkan tatacara, peraturan dan kawalan kandungan media sosial yang perlu dipatuhi oleh kakitangan awam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tujuan seperti yang berikut:

- i. Menyampaikan maklumat yang sahih, jelas dan tepat.
- ii. Mengawal penyebaran dan perkongsian maklumat.
- iii. Mengelakkan isu salah laku dan penyebaran maklumat tidak beretika.
- iv. Melindungi daripada pelanggaran hak cipta daripada mana-mana penerbitan.
- v. Menjaga kedaulatan negara dan kepentingan perkhidmatan awam.
- vi. Memelihara sistem pendidikan di Malaysia.

## **3.0 Tafsiran**

Dalam garis panduan ini, tafsiran yang diguna pakai adalah seperti yang berikut:

- i. “**nilai**” ialah kepercayaan yang mendorong seseorang atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berdasarkan nilai utama masyarakat seperti sejarah, ilmu, kebijaksanaan, keadilan dan kesederhanaan.
- ii. “**etika**” ialah satu set tatakelakuan yang perlu diikuti dan ditaati. Etika merupakan satu tanggungjawab dan akibat tingkah laku seseorang atau profesi terhadap masyarakat. Anggota perkhidmatan awam berkewajipan untuk memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilaku seseorang pekerja dalam kerajaan.

- iii. “**buli siber (cyberbully)**” ialah perbuatan menghantar mesej dan imej menerusi telefon pintar dan komputer melalui aplikasi media sosial yang boleh memberikan kesan negatif seperti trauma, gangguan emosi, gangguan fizikal, menjatuhkan maruah diri dan mengancam keselamatan individu.
- iv. “**“salah laku juvana”** ialah perlakuan jenayah yang pelakunya terdiri daripada kanak-kanak dan remaja yang berumur 10 hingga 18 tahun.
- v. “**kakitangan awam KPM**” ialah semua pegawai dan anggota kumpulan pelaksana KPM.
- vi. “**guru**” ialah seseorang yang (i) mengajar murid di sesebuah institusi pendidikan; atau (ii) menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan, diberikan atau melalui pusat pendidikan jarak jauh, dan termasuklah guru besar, pengetua, ketua jabatan dan pensyarah.
- vii. “**pegawai awam**” ialah seseorang yang memegang sesuatu jawatan atau pekerjaan dalam atau bawah sesuatu perkhidmatan awam. Bagi tujuan garis panduan ini, pegawai awam merujuk guru.
- viii. “**murid**” ialah seseorang tanpa mengira umurnya yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesebuah institusi pendidikan.
- ix. “**institusi pendidikan**” ialah sekolah atau mana-mana tempat lain yang menjalankan kerja sesebuah organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar sama ada dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah tadika dan pusat pendidikan jarak jauh tetapi tidak termasuk (i) mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata; atau (ii) mana-mana tempat yang diisyiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta sebagai bukan institusi pendidikan bagi maksud Akta Pendidikan 1996.
- x. “**maklumat secara bertulis atau lisan**” merujuk buku teks, cerita, berita, klip video, infografik, gambar, imej dan lain-lain.

- xi. “**media sosial**” ialah sejenis saluran komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan mudah secara bebas, berkongsi dan membincangkan maklumat dengan menggunakan gabungan multimedia yang terdiri daripada teks, gambar, imej, video dan audio seperti yang berikut:



#### 4.0 Tatacara Pemilihan Kandungan Media Sosial untuk Tatapan Umum

Tatacara yang perlu dipatuhi semasa memilih kandungan media sosial untuk kegunaan rasmi institusi pendidikan adalah seperti yang berikut:

##### 4.1 Pengesahan Akaun

- i. Kenal pasti rakan media sosial anda.
- ii. Pastikan alamat e-mel dan kata laluan rasmi tidak digunakan dalam akaun peribadi media sosial.
- iii. Sekiranya e-mel rasmi digunakan, sila pastikan log keluar (log out) daripada akaun media sosial pada semua peranti (log out all devices) apabila tidak lagi digunakan.

##### 4.2 Pengesahan Maklumat

- i. Berhati-hati menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat rasmi.
- ii. Maklumat yang dikongsikan perlu tepat, sahih dan tidak mempunyai unsur fitnah.
- iii. Jangan membenarkan individu lain menggunakan identiti dan kata laluan akaun e-mel dan akaun media sosial.

#### **4.3 Muat Naik (upload) atau Muat Turun (download) Bahan**

- i. Bahan rasmi yang hendak dimuat naik hendaklah disemak dan mendapat pengesahan serta kelulusan daripada guru besar atau pengetua atau ketua jabatan masing-masing.
- ii. Bahan rasmi yang dimuat turun (download) daripada Laman Web Rasmi KPM yang hendak dimuat naik (upload) semula untuk disebarluaskan, tidak perlu disemak dan disahkan sekiranya tiada penambahan maklumat.

#### **4.4 Muat Turun (download) Aplikasi**

Elakkan daripada memuat turun (download) aplikasi yang tidak diketahui tahap keselamatannya.

#### **4.5 Perbincangan dan Perkongsian Awam**

Berhati-hati terhadap setiap pernyataan atau maklumat yang dikongsikan dalam media sosial bagi menjaga imej dan kesejahteraan negara.

#### **4.6 Penggunaan Wi-Fi**

Elakkan daripada menggunakan Wi-Fi umum yang tidak diketahui tahap keselamatannya untuk melaksanakan kerja rasmi.

### **5.0 Etika Penggunaan Media Sosial oleh Kakitangan Awam KPM**

- 5.1 Penggunaan media sosial secara positif boleh dimanfaatkan untuk tujuan seperti yang berikut:
  - i. Membolehkan komunikasi dalam medium penyampaian yang pantas.
  - ii. Menghasilkan dan memuat naik maklumat secara bertulis atau lisan bagi tujuan pembelajaran.
  - iii. Meningkatkan keberkesanan penyampaian sistem pendidikan.

- 5.2 Sekiranya terdapat kesilapan pada sebarang maklumat yang telah dihebahkan, permohonan maaf secara terbuka hendaklah dilakukan dengan segera.
- 5.3 Tatacara dan kriteria penggunaan media sosial hendaklah dipatuhi berdasarkan *Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993* yang berkuat kuasa dengan **tidak** melakukan perkara seperti yang berikut:
- i. Mendedahkan maklumat rasmi yang terkandung dalam dokumen sulit/dokumen terhad kerajaan kepada pihak umum.
  - ii. Memberikan atau berkongsi komen negatif tentang isu yang melibatkan arahan KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pentadbir sekolah.
  - iii. Membuat atau berkongsi sebarang pernyataan yang menyentuh perkara yang boleh menjaskan imej dasar kerajaan, maklumat yang tidak sah, maklumat berbentuk fitnah, hasutan dan lucah.
  - iv. Membuat sebarang pernyataan, provokasi sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang atau perkara yang menyentuh sensitiviti individu atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan suasana yang tidak harmoni.
  - v. Berkongsi kenyataan yang menyentuh isu sensitif berkaitan dengan institusi diraja, agama, kaum, politik dan individu terutamanya isu yang boleh mengancam keselamatan negara.
  - vi. Memuat naik kandungan multimedia yang berkaitan dengan pentadbir sekolah, guru, murid, ibu bapa atau penjaga tanpa kebenaran.
  - vii. Bertindak balas terhadap pihak yang membuat provokasi.
  - viii. Melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh membawa kepada jenayah sosial dan seksual.
  - ix. Menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu bekerja.
  - x. Melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh menjurus kepada buli siber.
  - xi. Melibatkan diri dengan perniagaan dalam talian tanpa kebenaran.

## **6.0 Etika Penggunaan Media Sosial oleh Murid**

- 6.1 Penggunaan media sosial secara positif oleh murid boleh dimanfaatkan untuk tujuan seperti yang berikut:
- i. Meningkatkan keberkesanan pembelajaran.
  - ii. Berkommunikasi dan mendapatkan maklumat secara pantas serta meluas.
- 6.2 Tatacara dan kriteria penggunaan media sosial yang perlu dipatuhi adalah seperti yang berikut:
- i. Menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi pada waktu persekolahan sama ada menerusi peralatan komputer/alat mudah alih yang dibekalkan oleh sekolah ataupun melalui peralatan peribadi **dengan** kebenaran pihak pentadbir sekolah.
  - ii. Menggunakan media sosial secara peribadi di luar waktu persekolahan secara beretika.
- 6.3 Tatacara dan kriteria penggunaan media sosial hendaklah dipatuhi dengan **tidak** melakukan perkara seperti yang berikut:
- i. Mendedahkan maklumat rasmi yang terkandung dalam dokumen sulit/dokumen terhad kerajaan kepada pihak umum.
  - ii. Berkongsi kenyataan yang menyentuh isu sensitif berkaitan dengan institusi diraja, agama, kaum, politik dan individu.
  - iii. Berkongsi komen berbaur negatif.
  - iv. Menyebarluaskan maklumat yang tidak sahih.
  - v. Bertindak balas terhadap pihak yang membuat provokasi.
  - vi. Melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh membawa kepada salah laku juvana.
  - vii. Memuat naik maklumat peribadi yang boleh membahayakan diri.
  - viii. Memberikan kandungan yang berunsurkan sumbang, lucah, palsu, mengancam atau bersifat jelik untuk tujuan dan niat mengganggu, mengacau, mendera atau mengugut mana-mana orang seperti pornografi, pedofilia, menghantar virus, menyebarluaskan fitnah mahupun berita palsu.

- ix. Melibatkan diri dengan aktiviti buli siber seperti yang berikut:
  - a. Memberikan gelaran dan mengejek.
  - b. Menghantar/menggunakan mesej kasar atau kurang sopan.
  - c. Menyebarluaskan pembohongan atau khabar angin.
  - d. Mengecualikan atau mengabaikan individu.
  - e. Menggodam akaun.
  - f. Memuat naik gambar yang memalukan.
  - g. Memuat naik maklumat sulit.
  - h. Mengugut atau memaksa individu melakukan sesuatu tanpa kerelaan.

## **7.0 Penggunaan Akaun Peribadi Media Sosial**

Penggunaan akaun peribadi media sosial tertakluk pada peraturan yang sedang berkuat kuasa bagi memastikan penggunaan media ini tidak menjelaskan perkhidmatan awam, pegawai awam dan keselamatan murid.

## **8.0 Peraturan**


Garis panduan ini terikat dengan etika, terma dan syarat yang terkandung dalam akta dan perundangan yang sedang berkuat kuasa melibatkan kakitangan KPM sebagai penjawat awam. Sehubungan dengan itu, prinsip penggunaan media sosial oleh pegawai awam sama ada dalam urusan rasmi atau pun peribadi, sama seperti yang terpakai pada media yang lain. Selain itu, setiap salah laku yang berkaitan boleh dirujuk melalui saluran seperti yang berikut:

- 8.1 Sebarang salah laku kakitangan KPM berhubung dengan nilai dan etika penggunaan media sosial boleh diadukan melalui saluran rasmi KPM, iaitu Sistem Pengurusan Aduan Awam, KPM (SISPA) melalui <http://moe.spab.gov.my>.
- 8.2 Murid pula tertakluk pada peraturan disiplin sekolah atau mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

8.3 Bagi guru dan murid di institusi pendidikan swasta, sebarang salah laku penggunaan media sosial tertakluk pada peraturan dan undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa. Namun, institusi pendidikan swasta digalakkan untuk merujuk garis panduan ini.

## **9.0 Rujukan**

- i. Akta Mahkamah Juvana 1947 (*Akta 90*)
- ii. Akta Hasutan 1948
- iii. Akta Rahsia Rasmi 1972
- iv. Institut Tadbiran Awam Negara (1991)–Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam
- v. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- vi. Akta Pendidikan 1996
- vii. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- viii. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017
- ix. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM): Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam Versi 1.0 (2022)



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN